

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

10. Nyatakan indeks pencapaian yang telah diperolehi oleh PBT hasil pelaksanaan Pengurusan Sisa Organik Domestik kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan?
- (a) Sejauh manakah pergerakan kempen ini dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri mengurangkan sampah sisa organik domestik?.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

10.
Pengurusan
Sisa Organik
Domestik adalah
merupakan
inisiatif baru
Kerajaan Negeri
dalam
mengurangkan
pembuangan
sisa organik
oleh penjana

sisa ke tapak pelupusan sampah. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk melaksanakan Pengasingan Sisa Organik mulai tahun 2019 bagi Fasa II Pengasingan Sisa di Punca di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengambil inisiatif awal melaksanakan kutipan sisa organik di beberapa kawasan dan komuniti mulai tahun 2015 hingga kini. Butiran terperinci mengenai Indeks Pencapaian beratan sisa

organik yang direkodkan oleh MPSP bagi tahun 2015 hingga tahun 2018 adalah seperti di **Lampiran A.**

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula tidak mempunyai Indeks Pencapaian dalam pengasingan sisa organik domestik kerana pada ketika ini MBPP hanya di peringkat perancangan sahaja dalam perkara ini.

(a) Bagi memastikan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengurangkan sisa organik di Negeri Pulau Pinang, pihak MPSP telah menjalankan beberapa kempen,

program dan aktiviti seperti berikut:

(i) Menjalankan program kempen pengurangan sisa organik dan pengumpulan sisa organik di 12 kawasan Seberang Perai.

(ii) Membuat kutipan sisa organik daripada sembilan (9) buah pasar dan di hantar ke Pusat Kompos Bagan Ajam oleh MPSP.

(iii) Menjalankan kutipan sisa organik daripada tiga (3) buah kilang, sebuah hotel dan pasaraya serta satu (1) kawasan perniagaan ke Pusat Kompos Bagan Ajam yang dilaksanakan oleh MPSP dan pihak swasta;

dan

(iv) Memproses sisa makanan untuk dijadikan baja kompos dengan kos ditanggung oleh Syarikat Shence International (M) Sdn. Bhd. yang mengendalikan Pusat Kompos Bagan Ajam.

Sementara itu, langkah-langkah yang diambil oleh pihak MBPP pula adalah seperti berikut:

(i) Membuat cadangan untuk menjalankan kajian keboleh laksanaan (*Feasibility study*) bagi menentukan *characteristic* sisa makanan yang boleh dijadikan sebagai sumber perolehan; dan

(ii) Mengkaji pasaran

pembekal mesin
pemprosesan
sisa makanan *in*
situ dan
meletakkan
syarat
pelesenan
kepada premis
komersial
seperti kilang,
hotel dan
pasaraya.